



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### SIARAN MEDIA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA TIDAK MEMBERHENTIKAN KEMUDAHAN BEKALAN UBAT DAN ALAT PERUBATAN KEPADA PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DAN VETERAN BERPENECEN

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia ingin menjelaskan isu pemberhentian kemudahan bekalan ubat dan alatan perubatan yang menjadi tular di media sosial dan media *online*.

Dimaklumkan bahawa kontrak perkhidmatan pembekalan ubat dan alat perubatan kepada Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen melalui sistem *Electronic Medical Automation Supply System* (e-MASS) yang disediakan oleh syarikat Oratis Rx Sdn. Bhd. yang bermula pada 26 Januari 2012, telah tamat tempoh pada 27 Januari 2017. Namun demikian, perkhidmatan ini telah dilanjutkan secara interim sehingga 27 Februari 2017.

Untuk makluman, kemudahan bekalan ubat dan alat perubatan boleh diperolehi melalui preskripsi Pegawai Perubatan Kerajaan di fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)/Hospital Universiti. Sekiranya terdapat permasalahan mengenai kemudahan bekalan ubat dan alat perubatan, Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen boleh menghubungi pihak JPA di talian *hotline* 03-88854099/4037/4014 (waktu pejabat) atau emel pada [mypesara@kwap.gov.my](mailto:mypesara@kwap.gov.my) bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

#### Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Tarikh : 2 Mac 2017  
Tel : 03 - 8885 3088 / 3830  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.PK231/9/1 Klt.4 ( 12 )